



Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat
Division of Industry & Community Network

Laporan Tahunan 2011 Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat Institut Perubatan & Pergigian Termaju Universiti Sains Malaysia

Pengenalan Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat

IPPT adalah institut siswazah lanjutan yang ditubuhkan untuk melatih dan melahirkan pakar perubatan, pergigian dan sains bioperubatan di negara ini. Bidang-bidang kepakaran di IPPT dikategorikan kepada 12 kluster utama. Ketua dan ahli setiap kluster bertanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan aktiviti pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan. Di samping itu terdapat 3 pusat perkhidmatan klinikal yang bertanggungjawab memberikan perkhidmatan, perubatan, pergigian dan farmasi kepada pesakit luar dari kalangan penduduk di sekitar Kepala Batas dan kakitangan kerajaan. Segala kepakaran yang dimiliki ini merupakan satu sumber penting dan berharga yang boleh digunakan bagi menjalinkan kerjasama dengan komuniti dan industri untuk manfaat bersama. Libatsama daripada kakitangan pentadbiran dan sokongan juga amat penting bagi memastikan kejayaan dan kelestarian projek-projek komuniti dan industri. Maka, Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat (BJIM) bertanggungjawab untuk merangka program libatsama komuniti dan industri yang lestari untuk kebaikan bersama IPPT, komuniti dan industri di Kepala Batas.

Peranan


Memadankan ilmu/kepakaran, kemudahan dan sumber yang terdapat di universiti dengan keperluan, aspirasi serta harapan pihak industri dan masyarakat supaya menghasilkan situasi yang menguntungkan kedua-dua pihak.

Wawasan dan Misi

Wawasan – Untuk menyumbang kepada dan menerajui dalam kelestarian pembangunan sosial dan ekonomi, kemajuan serta transformasi negara.

Misi – Untuk menjalinkan hubungan erat dengan pihak industri dan masyarakat, terutama di Wilayah Utara dan Wilayah Timur Laut Semenanjung Malaysia, dalam pelbagai bidang yang mungkin bagi merealisasikan wawasan.

Carta Organisasi Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat



Laporan Pelaksanaan Dan Pencapaian Tahun 2011

1) Projek 2011

Projek Pembiayaan Geran BJIM Pusat

Jadual di bawah mengandungi maklumat penuh mengenai projek yang menggunakan geran BJIM Pusat

Bil	Tajuk	Objektif	Tempoh	Penyelidik	Jumlah Geran
1)	SPUCHA-(Cancer & Other Health Risk Assessment of Seberang Perai Utara District)	1. Untuk mengenalpasti tabiat [kelakuan] yang berkait dengan risiko mendapat kanser dalam masyarakat daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang [misalan tabiat merokok, mengambil minuman keras dan sebagainya] 2. Untuk menjalankan pemeriksaan kesihatan berkala [misalan pengukuran ketinggian, berat badan, tahap glukos, tekanan darah, Pap smear dan sebagainya] 3. Meningkatkan kesedaran mengenai saringan untuk kanser melalui pameran kesihatan, taklimat kesihatan kepada orang ramai atau perseorangan	Berterusan [aktiviti masyarakat dijalankan oleh pihak klinikal] Surat kelulusan bajet bertarikh 19 Jun 2010 – RM40k untuk tahun pertama.	1) Dr Bakiah Shaharuddin 2) Dr Siti Noor Fazliah Mohd Noor 3) Dr Zainoodin Sheik Abdul Kader 4) Dr Shahrul Bariyah Sahul Hamid 5) Dr Gurjeet Kaur 6) Dr Norehan Mokhtar 7) Dr Narazah Mohd Yusof 8) Prof Dr Ibrahim Lutfi 9) Prof Dr Rabindarjeet Singh 10) Prof Dr Lokman Noh 11) En Nizuwan Azman 12) En Adnan Hamid 13) En Mohd Basir Selvam Abdullah 14) Pn Yusfizahani Mohd Yusoff 15) Pn Law Kim Sooi 16) Pn Aznajwa Abd Kadir 17) Dr Aishah Knight Abd Shatar	RM40,000.00

2)	Neon-D-(Upliftinf Brain Performance of the Underprivileged Through Neuronutriton & Diet Programme)	1. To transform published scientific knowledge into exciting dietary habits for enhancing brain 2. capabilities while maintaining physical fitness. 3. To implement and encourage good dietary programme at orphanage. 4. To enhance brain performance and physical fitness of the underprivileged (orphans)	2 years	1) En. Jahangir Kamaldin 2) Prof. Rabindarjeet Singh 3) En. Adnan Hamid 4) Assoc. Prof. Dr. Zainal Ariffin 5) Ahmad 6) Assoc. Prof. Dr. Azhar Mat Easa 7) Dr. Wan Ahmad Kamil Wan 8) Abdullah 9) Dr. Hamid Jan bin Jan Mohammad 10) Prof. Zakaria Mohd Amin 11) Dr Thevananthan 12) Nithyanantham 13) Sarinande Binti Mansor 14) Azizah Binti Tahir 15) Yusfizahani bt Md Yusuff	RM35,000.00
3)	My House My Heaven	Menyedia maklumat pendedahan bahan toksik di rumah kawasan Kepala Batas	1 tahun 6 bulan	1) Norzainah Ahmad 2) En Jahangir 3) Manorenjitha Malar 4) Zaleha Md Toha 5) Dr Khaleed Mohamad 6) Dr Nor Aini 7) Pn Jamilah	RM10,000.00

Projek Komuniti

Jadual di bawah mengandungi maklumat berkenaan projek komuniti yang dilakukan oleh Kluster Gaya Hidup Sihat(KGHS)

Bil	Tajuk	Objektif	Tempoh	Penyelidik
1)	PROKOMA-(Projek Komuniti Angkat Bandar Putra Bertam)	The proposed knowledge transfer programme (KTP) will address and transfer knowledge on safe and effective functional physical activity, healthy nutrition and oral hygiene through the following objectives: 1) To create awareness among the community of the importance of daily functional physical activity, healthy diet and oral hygiene 2) To transfer knowledge on the application of functional exercise, healthy diet, and good dental care on overall health and quality of life 3) To ensure sustainability of the KTP programme through appropriate guidelines with regular follow ups	Apr 2011 – Apr 2013	1. Prof Rabindarjeet Singh 2. Dr Ahmad Munir 3. Dr Liao Kai Ming 4. Dr Kavitha Menon 5. Mrs Norjana Ismail 6. Ms Nazirah Gulam Mohamed 7. Ms Nurdiana Zainol Abidin 8. Mr Nor Himan Ahmad 9. Mrs Yusfizahani Md Yusoff 10. Ms Nur Syafawati Saharudin

Projek Tajaan Kementerian Pengajian Tinggi

Jadual di bawah mengandungi maklumat berkenaan geran Knowledge Transfer Programme(KTP) di bawah Kluster Sains Otak dan Tingkah laku (BSBS) Institut Perubatan & Pergigian Termaju(IPPT) USM

Bil	Tajuk	Nama Akademia	Tempoh	Syarikat/Industri	Jumlah Geran(RM)
1)	Neuro- Nutritional Organic Beverage (Neuro d' Organic)	1. Dr Hamid Jan Jan Mohamed (PI) 2. En. Jahangir bin Kamaldin (CO) 3. Prof Madya Dr. Noor Aziah Abdul Aziz (CO)	15 Ogos 2011 hingga 15 Ogos 2013 (24 bulan)	Syarikat EMRAN Trading (M) Sdn. Bhd No. 100 JAlam Desa 8/A Perusahaan Sungai Tukang 08000 Sungai Petani Kedah Darul Aman	106,000.00

Perancangan Projek Penglibatan Komuniti 2011

Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat(BJIM) telah merancang dan membentangkan beberapa projek yang melibatkan komuniti untuk pertimbangan semua kluster.Antaranya seperti berikut:

Bil	Projek	Butiran	Program yang dirancang
1.	Kesedaran Penyakit Metabolik	Aktiviti promosi kesihatan untuk berkongsi pengetahuan dan kepakaran bersama masyarakat dapat meningkatkan kesedaran mengenai penyakit metabolik seperti Diabetes Mellitus.Aspek penting mengenai penyakit seperti ujian saringan,intervensi awal,pencegahan komplikasi,perancangan diet dan program senaman akan dimasukkan di dalam program perkongsian pengetahuan dan pendidikan.	Penyakit :Diabetes Mellitus Kumpulan Sasaran :1)Komuniti di Bertam 2)Komuniti Korporat Aktiviti 1) Pemeriksaan paras gula dalam darah 2) Pemantauan secara berkala 3) Pengesanan awal dan langkahpencegahan
2.	Kesedaran Penyakit Kardiovaskular	Setiap orang dalam komuniti perlu mengambil langkah berjaga-jaga mengenai bahaya penyakit 'pembunuh dalam senyap' yang boleh dicegah seperti serangan jantung,strok,tekanan darah tinggi dan yang berkaitan jantung.Maka,program mempromosi kesihatan untuk memberi kesedaran mengenai faktor-faktor yang menyumbang kepada penyakit kardiovaskular seperti penggunaan tembakau,diet pemakanan yang tidak sihat,kurang aktiviti fizikal dan pengambilan alkohol perlu dilaksanakan.	Penyakit :Serangan jantung,strok dan tekanan darah tinggi Kumpulan Sasaran :1)Komuniti di Bertam 2)Komuniti Korporat 3)Guru Sekolah Aktiviti 1) Pemeriksaan paras gula dalam darah 2) Pemantauan secara berkala 3) Pengesanan awal dan langkah pencegahan

3.	Kesihatan Mental <i>No health without mental health....</i> (Lancet 2007; 370: 859–77)	Pengesanan peringkat awal dan intervensi awal amat berguna bagi mencegah gangguan mental. Program promosi kesihatan harus menyediakan penyelesaian bagi mengekalkan kesihatan mental di kalangan masyarakat termasuk pekerja-pekerja kilang, guru sekolah, sekolah rendah dan murid-murid sekolah menengah, dan komuniti korporat Aktiviti komuniti perlu dijalankan untuk mewujudkan kesedaran di kalangan masyarakat dan membantu mengenalpasti faktor-faktor yang mendorong tekanan dalam aktiviti harian dan seterusnya menggalakkan serta mengekalkan gaya hidup sihat.	Kumpulan Sasaran: 1) Komuniti di Bertam 2) Komuniti Korporat 3) Penghuni di Pusat-Pusat Pemulihan 4) Mangsa Keganasan Rumahtangga(Wanita dan Kanak-Kanak) 5) Pelajar Sekolah 6) Rumah Anak Yatim Aktiviti 1) Pemeriksaan paras gula dalam darah 2) Pemantauan secara berkala 3) Pengesanan awal dan langkah pencegahan
4.	Memperkasakan Guru dan Pelajar	IPPT sebagai sebuah institusi pengajian tinggi bertanggungjawab untuk menjana pengetahuan baru dan mengambil bahagian di barisan hadapan pembangunan pengetahuan.IPPT memainkan peranan penting dalam menyebarkan dan berkongsi pengetahuan. Oleh itu, aktiviti perbincangan dengan guru-guru dan murid-murid sekolah rendah dan menengah adalah penting untuk menyebarkan pengetahuan dan teknologi terkini dalam sains perubatan, sains pergigian dan sains bioperubatan.	Kumpulan Sasaran: 1) Guru Sekolah 2) Murid-Murid Aktiviti 1) Pemberian cenderahati tahunan pada bengkel sains kepada guru sekolah 2) Seminar tahunan mengenai pendidikan sains kesihatan untuk guru 3) Lawatan tahunan ke IPPT oleh murid-murid

5.	Pendidikan Penjagaan Kesihatan Pekerja dan Latihan Kemahiran	Pendidikan berterusan dan latihan penjagaan kesihatan pekerja adalah sangat penting untuk menyediakan perkhidmatan berkualiti kepada masyarakat. Di samping itu, disiplin penjagaan kesihatan cepat berkembang mengikut bidang dan semua pihak yang terlibat dalam bidang ini mestilah sentiasa menambahkan pengetahuan untuk meningkatkan kemahiran dalam pengurusan pesakit	Kumpulan Sasaran: 1) Pengamal perubatan tempatan di klinik atau hospital awan dan swasta 2) Makmal perubatan professional di hospital awan dan swasta Aktiviti 1) Berkongsi pengetahuan mengenai kes klinikal 2) Seminar untuk meningkatkan mutu pemeriksaan klinikal 3) Bengkel mengenai pengumpulan spesimen klinikal untuk memperbaiki diagnosis dan pengurusan klinikal pesakit
----	---	---	---

Aktiviti Sepanjang Tahun 2011

1. Aktiviti Komuniti

Beberapa aktiviti komuniti telah dijalankan dan dilaksanakan pada tahun 2011. Jadual berikut menunjukkan ringkasan aktiviti di IPPT

Bil	Butiran	Tarikh Pelaksanaan	Laporan Ringkas
1)	Penghargaan kehadiran ke Program Kemasyarakatan BJIM PPJJ, USM bersama ibu tunggal miskin dan Keluarga miskin, Pulau Pinang	Januari 2011	Pihak BJIM IPPT telah menerima penghargaan daripada Prof. Madya Dr. Habibah Hj. Lateh, Dekan Pusat Pengajian Jarak Jauh (PPPJJ), USM diatas kehadiran program berkenaan
2)	Perkhidmatan/Pameran sempena "Karnival 3K-Komuniti, Kesihatan & Keselamatan"	09 Julai 2011	Menyediakan dan mengadakan pameran secara percuma sempena karnival berlangsung. Karnival dianjurkan oleh Surau Al-Zahariah telah diadakan di Dewan Masyarakat Taman Air Tawar Indah

3)	Karnival Hari Terbuka IPPT 2011 dengan libatsama Komuniti & Industri Tema: 'Hidup Biar Sihat' Objektif: Membantu kearah mewujudkan komuniti Bertam dan warga industri yang berpengetahuan dalam gaya hidup sihat dan seterusnya membina komuniti contoh yang sihat sejahtera	22,23 dan 24 Oktober 2011	Karnival yang julung kalinya diadakan ini dijayakan dengan libatsama komuniti, NGO, alumni dan pihak industri. Karnival ini dijadikan medium bagi menghebahkan kepakaran dalam bidang perubatan, pergigian dan sains bio-perubatan di IPPT kepada pihak komuniti dan industri. Pakar-pakar di IPPT telah menggunakan peluang ini bagi membantu membektuk komuniti yang sejahtera. Perasmian karnival telah dilakukan oleh Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Dato' Omar Osmail. Pelbagai aktiviti dan pameran diadakan bagi mendekatkan komuniti dan pihak industri dengan IPPT. Pameran, ceramah umum dan pemeriksaan kesihatan serta perkhidmatan makmal turut diadakan sepanjang karnival berlangsung. Selain itu, satu sesi dialog turut diadakan antara IPPT dengan komuniti dan industri bagi mendapatkan maklumbalas. IPPT turut menerima sumbangan kerusi roda daripada Pertubuhan Membantu Pesakit Parah Miskin Malaysia
4)	Professional Talk Program MIGTY (Lepasan PMR), MRSM Penceramah: Dr. Azman Seeni Anjuran: MRSM Kepala Batas	27 Oktober 2011	Professional Talk Program MIGTY diadakan di Dewan Perdana MRSM Kepala Batas pada jam 10.30 pagi hingga 11.30 pagi
5)	Pameran dan Pemeriksaan Kesihatan Maybank Zon Perai	30 Oktober 2011	IPPT menerima jemputan mengadakan pameran dan pemeriksaan kesihatan bertempat di Maybank Cawangan Tasek Gelugor
6)	Jemputan mengadakan pameran dan pemeriksaan kesihatan sempena Karnival Sukan dan Kokurikulum Sek. Men. Keb. Bertam Perdana 2011	12 November 2011	Pihak Sekolah Menengah Kebangsaan Bertam Perdana dengan kerjasama PIBG SMKBP menjemput IPPT mengadakan pameran dan pemeriksaan (Kolestrol/Pap Smear) bertempat di Dewan SMK Bertam Perdana
7)	Lawatan sambil belajar dan pendedahan kerjaya di bidang perubatan Sekolah Menengah Al-Islah	16 November 2011	Pihak sekolah Menengah Al-Islah telah mengadakan lawatan sambil belajar bagi menambahkan ilmu pengetahuan. Seramai 40 orang pelajar terlibat bersama 4 orang guru pengiring
8)	Program Juara Rakyat Bulan Kesihatan bersama Ahli Lembaga Pelawat Hospital Seberang Jaya	20 November 2011	Menyediakan perkhidmatan pameran kesihatan, perkhidmatan makmal, pemeriksaan gigi, kencing manis, darah tinggi, kolestrol, BMI, pemeriksaan mata serta penglibatan pelajar-pelajar IPPT-USM

9)	Bantuan Perubatan dan Ambulan Ujian Jalan Laju 15km PALAPES USM	14 Disember 2011	PALAPES USM memohon bantuan perubatan dan ambulan daripada IPPT sempena Ujian Jalan Laju bertujuan memberikan pertolongan perubatan sekiranya berlaku kejadian yang tidak diingini
10)	Jemputan mengadakan Pameran Kesihatan (Bas Pameran) Program Sukan Rakyat Anjuran: Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah Seberang Perai Utara dengan kerjasama Pusat Khidmat Pinang Tunggai	25 Disember 2011	Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah Seberang Perai Utara dengan kerjasama Pusat Khidmat Pinang Tunggai memohon IPPT mengadakan pameran kesihatan sempena Program Sukan Rakyat yang akan dianjurkan

2. Aktiviti industri

Bil	Butiran	Tarikh Pelaksanaan	Laporan Ringkas
1)	Perbincangan dengan syarikat Syarikat:Kinematic Resouce Sdn Bhd	02 November 2011	Satu perbincangan mengenai Proteomics & Metabolomics telah diadakan bertempat di bilik mesyuarat lot 13,IPPT

3. Lain-Lain

Bil	Butiran	Tempoh	Organisasi	Hasil/Impak
1)	Perjanjian Persefahaman MoU Kluster Sains Otak & Tingkahlaku(BSBS) En.Jahangir Kamaldin Tempat:Berjaya Times Squara Kuala Lumpur	23 November 2011	<u>Organisasi Luar</u> 1) Starlab Barcelona SL(Sepanyol) 2) Swiss Centre for Affective Science- University of Geneva(Switzerland) <u>Organisasi Malaysia</u> 1) Gintel(M) Sdn Bhd 2) Muntada Technology Sdn Bhd 3) Zull Design Autotronic	1) Perkongsian teknologi 2) Aktiviti penyelidikan bersama 3) Memberi dan mendapatkan nasihat(Consultation) dalam bidang kepakaran masing-masing 4) Menganjurkan program dan latihan bersama 5) Pertukaran staf/pelajar untuk penyelidikan 6) Bertukar maklumat penyelidikan(dengan kebenaran) termasuk penerbitan penyelidikan

4. Latihan Industri


IPPT menawarkan latihan industri kepada institusi luar. Terdapat beberapa bahagian bagi pelajar menjalani latihan industri seperti:

- 1) Makmal Diagnostik Termaju(ADL)
- 2) Bahagian Farmasi(Klinikal)
- 3) Pusat Jaringan Penyelidikan Translasi & Antarabangsa
- 4) Bio-ICT
- 5) Bahagian Kewangan
- 6) Bahagian Kejuruteraan, Penyelenggaraan dan Projek
- 7) Bahagian Pengurusan & Pentadbiran

Jadual di bawah menunjukkan permohonan latihan industri yang telah diterima bagi tahun 2011

Bil	Institusi	Jumlah permohonan yang diterima	Jumlah yang tidak dipertimbangkan/menolak tawaran
1.	Universiti Malaysia Terengganu(UMT)	9	3
2.	Alliance University College of Medical Sciences(AUCMS)	5	-
3.	Kolej Professional MARA Indera Mahkota	1	-
4.	Universiti Kuala Lumpur British Malaysian Institute (UniKL BMI)	1	-
5.	Universiti Malaya (UM)	5	-
6.	Universiti Malaysia Sabah(UMS)	3	-
7.	Masterskill University College of Health Science(Masterskill)	1	1
8.	Universiti Malaysia Sarawak(UNIMAS)	10	-
9.	Management & Science University(MSU)	3	3
10.	Saito College	2	2
11.	Universiti Malaysia Perlis(UniMAP)	1	-
12.	Anjung Technology Sdn Bhd(NSSDC)Negeri Sembilan Skills Development Centre	1	-
Jumlah		42	9

Berikut merupakan carta penempatan pelajar mengikut bidang pilihan bagi tahun 2011



5. Alumni IPPT

Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat(BJIM) IPPT dalam proses pengumpulan maklumat dan penubuhan Kelab ALUMNI IPPT. Berikut merupakan jumlah Alumni IPPT yang telah dikenalpasti sehingga tahun 2011. Langkah seterusnya adalah untuk menghubungi Alumni dan mendapatkan maklumbalas untuk membentuk Jawatankuasa Alumni IPPT.

Bil	Jumlah Pelajar	Bidang	Tahun
1	3	Sarjana Sains(Penyelidikan Perubatan)	2005
2	11	Sarjana Sains(Penyelidikan Perubatan) Sarjana Sains(Sains Transfusi)	2006
3	14	Sarjana Sains(Penyelidikan Perubatan) Sarjana Sains(Sains Transfusi) Sarjana Sains(Penyelidikan)	2007
4	16	Sarjana Sains(Penyelidikan Perubatan) Sarjana Sains(Sains Transfusi) Sarjana Sains(Penyelidikan) Doktor Falsafah	2008
5	18	Sarjana Sains(Sains Transfusi) Sarjana Sains(Penyelidikan Perubatan) Sarjana Sains(Penyelidikan)	2009
6	16	Sarjana Sains(Sains Transfusi) Sarjana Sains(Penyelidikan Perubatan) Sarjana Perubatan(Perubatan Transfusi) Sarjana Sains(Penyelidikan)	2010
7	25	Sarjana Sains(Sains Transfusi) Sarjana Sains(Penyelidikan Perubatan) Sarjana Sains(Penyelidikan) Sarjana Perubatan(Perubatan Transfusi) Sarjana Sains(Sains Oral) Sarjana Sains(Toksikologi Kesihatan)	2011

Sangkutan Staff/Sabatikal(Attachment/Sabbatical)

Jadual di bawah menunjukkan Staff Akademik yang bercuti sabatikal hingga tahun 2011.

Program:Staf Sangkutan(Attachment)/Staff Sabbatikal(Sabbatical Staff)	Nama Staff Akademik & Jawatan	Sekolah/Pusat/Unit	Tempoh	Nama Syarikat/Industri	Negeri/Negara
"Research and Development of Herbal Products with Potential In Communities Oral Health"	Dr. Hasnah Hashim (Pensyarah Pergigian DUG54)	Institut Perubatan dan Pergigian Termaju	01 Jun 2010 - 28 Feb 2011	1. Universiti Teknologi Malaysia 2. Institut Farmaseutikal dan Nutrasedutikal Malaysia	1. Johor 2. Pulau Pinang
Hepatobiliary -pancreas	Dr. Leow Voon Meng (Pensyarah Perubatan DU45)	Institut Perubatan dan Pergigian Termaju	01 Feb 2010 - Mac 2011	Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar	Kedah